

01/08/2001

Teliti dahulu sebelum hadkan kuota Melayu

Dr Mohd Azam Rauzan

PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melemparkan kejutan apabila mengumumkan kerajaan bercadang memperkenalkan dasar meritokrasi dalam pengambilan pelajar ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA).

Ia sebenarnya satu permulaan kegemparan kerana hanya menunggu masa untuk meledak apabila benar-benar dilaksanakan kelak. Ledakan itu mungkin boleh menyedarkan orang Melayu, lantas mereka bingkas bersaing dan berjaya, atau sebaliknya bertukar menjadi episod menyedihkan kerana teraba-raba dalam kegelapan kerana tidak ada lagi obor penyuluh jalan.

Persoalannya, mengapa Perdana Menteri terpaksa mengambil jalan demikian dan lebih penting lagi, apa akan jadi dengan masa depan orang Melayu? Maksud meritokrasi yang berasal dari dua perkataan iaitu 'merit' dan 'krasi' adalah istilah keramat yang akan menjadi penentunya. Merit bermaksud kepujian atau kecemerlangan atau dalam bahasa mudahnya 'hanya yang terbaik layak', sementara 'krasi' adalah perkataan Latin yang bermaksud pemerintahan atau sistem pentadbiran sesebuah negara.

Istilah ini jarang diperkatakan dan tidak ramai mahu menyelaminya kerana kita selama ini lena dalam buaian yang bernama "hak keistimewaan orang Melayu" atau dengan bahasa lainnya "sistem kuota Bumiputera". Perubahan ini, jika dilakukan akan membuatkan orang Melayu sekarang seperti "seorang bayi yang sedang tidur nyenyak dalam buaian, apabila tali buaian itu putus, barulah tersentak dan menangis kerana tidak selesa".

Kalau disingkap sejarahnya, selepas negara mencapai kemerdekaan, orang Melayu yang sejak dari awal lagi menyedari pentingnya pendidikan, menggunakan kuasa politik yang dimiliki pemimpin Umno terdahulu untuk memastikan anak bangsa tidak tercicir di bidang pendidikan. Hasil kesedaran luar biasa pemimpin terdahulu serta kurangnya anasir yang mengganggu-gugat penumpuan pelajar serta sikap proaktif orang Melayu terhadap isu berkaitan pendidikan, banyak membantu menjayakan dasar pendidikan yang digubal sejajar hasrat Perlembagaan Persekutuan untuk memartabatkan bangsa Melayu sebagai bangsa yang maju dan berilmu.

Pemimpin Umno pula tidak pernah leka dalam melaksanakan tanggungjawab mencapai hasrat itu. Ia diterjemahkan menerusi Penyata Razak (1956) seterusnya membawa kepada Penyata Rahman Talib (1960) dan Penyata Mahathir (1979). Semuanya sentiasa diberi perhatian teliti dan dijadikan panduan untuk meningkatkan sistem pendidikan negara, sekali gus meningkatkan taraf pendidikan anak Melayu.

Di kalangan ilmuan Melayu, muncul tokoh seperti Allahyarham Aminuddin Baki dan Profesor Fatimah Hamidon yang meneruskan kesinambungan perjuangan Pendeta Zaaba dan orang terdahulu yang tidak pernah jemu meniuip semangat cintakan ilmu di jiwa orang Melayu.

Tetapi, senario sekarang amat jauh berbeza dengan arus perubahan aliran pemikiran anak Melayu pasca merdeka, serta faktor gangguan oleh parti pembangkang dalam meracuni penumpuan pelajar serta orang Melayu terhadap betapa pentingnya pendidikan kepada orang Melayu.

Obor penyuluh laluan yang memandu perjalanan sudah dianggap bukan satu keistimewaan yang disediakan kerajaan, walhal ia boleh padam pada bila-bila masa, dan dasar meritokrasi inilah yang akan memadamkannya.

Namun, tentu sekali tindakan drastik mahu melaksanakan dasar meritokrasi yang akan diambil kerajaan dalam menangani isu pelajar Melayu lemah serta hilang penumpuan adalah seperti kata pepatah Melayu "ditelan mati emak dan diluah mati bapa". Sama ada kita sanggup menelannya, atau pun

meluapkannya, ia tetap akan menjadi penentu masa depan generasi orang Melayu di buminya sendiri. Sudah bersediakah kita?

Sebab itulah, sementara saya sedar melaksanakan dasar meritokrasi mungkin mempercepatkan proses kematangan orang Melayu terhadap realiti saingan dalam kehidupan bangsa, hati kecil saya berkata bahawa kesan buruknya lebih cepat menimpa orang Melayu.

Sebagai seorang bekas pelajar yang menikmati sedikit sebanyak kejayaan hasil sistem yang memberikan keistimewaan kepada orang Melayu memasuki universiti pada awal tahun 80-an, saya amat memahami betapa kecewanya pemimpin negara pada peringkat penggubal dasar melihat gelagat siswa Melayu masa kini. Mereka memang tidak sedar diri betapa kerajaan bersusah payah membela nasib mereka sehingga mendapat tempat di universiti yang sepatutnya tidak layak pun dicitium oleh mereka seandainya dasar meritokrasi dilaksanakan.

Matlamat pelajar Melayu selalunya tersimpang jauh selepas mendapat tempat di universiti. Ini berlaku kerana ada segelintir penyangak yang sentiasa menyerapi pemikiran pelajar kita supaya melakukan kerja yang hanya menguntungkan mereka dalam memperalatkan pelajar mencapai cita-cita politik mereka untuk memerintah negara ini. Sebab itulah penyangak ini layak diberi panggilan penderhaka bangsa kerana merekalah sebenarnya yang meracuni serta menghancurkan masa depan pelajar kita pada peringkat universiti.

Pengalaman saya ketika di universiti dulu menyedarkan saya bahawa mereka yang berasa tetap akan dilayan sebagai anak emas lantaran tidak melalui kesukaran menjejak kaki ke menara gading, lalu tidak menghargai peluang itu.

Kalau dalam bidang perubatan, bagi mencari 'antedot' terbaik terhadap sesuatu permasalahan, kita perlu mencari 'aetiology' atau punca sebenar permasalahan. Dalam hal ini, kita perlu mencari penyelesaiannya pada peringkat akar serta penyebab utama ke arah gejala pemikiran pelajar menjadi antikerajaan.

Apakah dengan mengubah dasar kemasukan pelajar Melayu mengikut sistem meritokrasi pasti akan menyelesaikan masalah ini? Apakah dengan menggunakan meritokrasi, pembangkang seperti pemimpin Pas dan Keadilan tidak lagi menghasut pelajar Melayu supaya membenci pucuk pimpinan kerajaan? Apakah dengan meritokrasi akan mengembalikan zaman kegemilangan pelajar Bumiputera di bidang akademik dan terus tidak membabitkan diri mereka dengan aktiviti yang menentang pucuk pimpinan kerajaan?

Kita tidak harus menghukum pelajar Melayu yang secara kebetulan pada tahun ini akan menduduki peperiksaan SPM, STPM dan matrikulasi untuk memasuki IPTA tahun depan apabila sistem meritokrasi mula digunakan. Walhal ia berpunca daripada sebahagian pelajar di IPTA sekarang yang mencemarkan cita-cita pelajar Melayu lain, yang ingin belajar serta memperoleh ijazah.

Kita sudah cukup undang-undang seperti Akta Universiti dan Kolej Universiti, lantas pihak universiti sepatutnya tidak bersimpati terhadap pelajar Melayu yang pemalas atau lebih berminat untuk aktif berpolitik. Tindakan perlu tegas terhadap pelajar yang gagal menghadiri kuliah serta tidak lulus dalam peperiksaan semester. Kita tidak harus berkompromi dalam soal pelaksanaan sesuatu tindakan dalam menyelesaikan sesuatu permasalahan. Inilah kelemahan yang ada dalam sistem yang kita guna pakai.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merayu kepada pemimpin parti pembangkang, terutama pemimpin Pas serta pemimpin Keadilan supaya bersama-sama mempunyai rasa tanggungjawab dalam membina serta membentuk generasi umat Melayu yang berjaya dengan tidak mengganggu anak Melayu kita yang sedang menuntut di pusat pengajian tinggi. Apakah pendirian mereka dalam hal yang bersangkutan paut dengan sistem meritokrasi terhadap kemasukan

pelajar Melayu ke IPTA?

Harapan saya supaya janganlah diracuni pemikiran serta penumpuan mereka terhadap pelajaran kerana harapan ibu bapa, bangsa serta negara amat besar kepada mereka. Janganlah mereka diperalatkan untuk memuaskan nafsu rakus pembangkang dalam mencapai cita-cita politik parti masing-masing.

Kalau hendak berpolitik sekalipun jadilah pemimpin pembangkang yang mempunyai cita rasa bertanggungjawab membina satu bangsa dan bukannya menghancurkan masa depan anak Melayu yang akan menjadi anak harapan bangsa dan negara pada masa hadapan. Sesungguhnya proses memajukan tamadun Melayu adalah tanggungjawab bersama, termasuk pemimpin parti pembangkang yang juga dikenali sebagai umat yang bernama Melayu!